



ثجابه قربندهارآن نكري كلتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Penolong Pegawai Kewangan Negeri 1 : 09-7441024
Ketua Unit Analisis & Pemantauan Pelaburan : 09-7483495
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : pejkn@kelantan.gov.my

Rujukan : PKN.A.1/9-1 Jld.8 (2)

Tarikh : 08 Rabiulawal 1431H

22 Februari 2010M

Ke Majlis,

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL NEGERI

YB/ Dato'/Tuan/Puan

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 1 TAHUN 2010

PELAKSANAAN BAJET SUKU TAHUN

Pekeliling Perbendaharaan Negeri ini adalah bertujuan untuk memaklumkan bahawa bagi memastikan perbelanjaan Kerajaan Negeri sentiasa dalam keadaan yang berhemah, pelaksanaan bajet suku tahun 2010 mestilah dilaksanakan oleh setiap Pegawai Pengawal.

2. Peruntukan yang boleh dibelanjakan bagi setiap suku tahun semasa adalah **sebanyak 25 % sahaja** daripada peruntukan sebenar yang telah diluluskan didalam bajet / belanjawan tahun 2010.

3. Butiran perbelanjaan yang terlibat adalah sebagaimana berikut:

- 3.1 Perbelanjaan di bawah objek sebagai 14000 - Elaun Lebih Masa.
- 3.2 Perbelanjaan di bawah objek sebagai 21000 – Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup.
- 3.3 Perbelanjaan di bawah objek sebagai 26000 – Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan.
- 3.4 Perbelanjaan di bawah objek sebagai 27000 – Bekalan dan Bahan-Bahan Lain.
- 3.5 Perbelanjaan di bawah objek sebagai 28000 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli.
- 3.6 Perbelanjaan di bawah objek sebagai 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti Kecuali bagi bayaran gaji / elaun tetap bulanan.

- 3.7 Perbelanjaan di bawah objek sebagai 42000 – Pemberian Dalam Negeri Kecuali bagi bayaran elaun tetap / bantuan am bulanan.
- 3.8 Semua perbelanjaan di bawah peruntukan Pembangunan dan;
- 3.9 Semua perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang/Akaun Amanah.

4. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat keadaan / sesuatu perkara di mana Pegawai Pengawal tidak dapat melaksanakan arahan pekeliling ini atas sebab-sebab yang munasabah, maka permohonan pengecualian pelaksanaan mestilah dikemukakan kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu untuk kelulusan.

5. Pekeliling Perbendaharaan Negeri ini adalah **berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.**

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,



(HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)

Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

s.k :

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Setiausaha Sulit Khas Kepada YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan

Yang Berusaha Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

Yang Berusaha Setiausaha Sulit Kepada YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan